

PM bidas syarikat ubat tamak pentingkan hak intelek

UM 2 OCT 2002

KUALA LUMPUR 1 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas syarikat ubat-ubatan yang besar kerana terlalu tamak sehingga sanggup mementingkan hak intelek melebihi nyawa manusia.

Menurutnya, sungguhpun diakui sejumlah besar wang dilaburkan oleh syarikat terbabit untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi perlu juga ada ketelusan mengenai kos dan pemulihannya.

"Berapa lama sesuatu hak cipta itu perlu dilindungi dan berapa pula kadar keuntungan yang sah dan betul dari segi moralnya," soalnya.

Perdana Menteri menarik perhatian dalam rawatan HIV dan AIDS, syarikat yang memegang hak ke atas ubat-ubatan enggan membenarkan pihak lain mengeluarkannya kecuali dengan membayar sejumlah royalti yang besar.

"Kerajaan negara-negara miskin dipaksa melindungi hak mereka, mengekalkan harga yang tinggi dan melihat rakyat sendiri menderita dan mati kerana kurang rawatan.

"Berjuta-juta orang meninggal dunia sedangkan syarikat ubat-ubatan mengaut untung berbilion dolar untuk pemilik dan pemegang saham mereka. Nyawa nampaknya tidak begitu penting berbanding hak intelek dan pulangan pelaburan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Bioteknologi 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Konvensyen anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar itu berlangsung selama empat hari sehingga Jumaat ini.

Bagi Perdana Menteri, seluruh

dunia perlu mendapat manfaat daripada penyelidikan yang boleh dilakukan dalam sains hayat. "Sementara kita patut memastikan pulangan yang munasabah, kita tidak wajar terlalu memikirkan untung sehingga lupa kepada tanggungjawab sosial," katanya.

Malaysia menurut Dr. Mahathir menyedari kelebihan yang dimiliki negara dalam bidang bioteknologi dan tidak akan mengetepikan dunia daripada sumber-sumber yang boleh dibangunkan.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, kerjasama penyelidikan dengan pakar-pakar asing amat dialu-alukan untuk mencapai matlamat Agenda Bioteknologi Malaysia sebagai salah satu pusat bioteknologi dunia.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia merupakan satu daripada 12 negara di dunia yang mempunyai pelbagai sumber bio dan aset itu perlu diteroka dan dikaji secara intensif.

Walaupun negara bukan baru dalam dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bioteknologi khususnya sektor pertanian, Dr. Mahathir berkata, jelas usaha yang dilakukan belum memadai berbanding potensi dan peluang yang ada.

"Kita perlu membangunkan bioteknologi sebagai satu lagi asas kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Penyelidikan dan pembangunan negara tidak berupaya menghasilkan paten-paten baru mahupun perusahaan baru daripadanya," katanya.

Justeru, katanya, perlu diakui bahawa negara memerlukan kerjasama dengan saintis dan perusahaan asing untuk mengeksploitasi dan memanfaatkan segala sumber bioteknologi.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri bagaimanapun memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan segala sumber

penyelidikan tidak dibawa keluar dari negara ini.

"Sebaliknya segala penyelidikan hendaklah dibuat dalam negara dan kita perlu ada perjanjian yang tetap berkenaan hak mereka yang menjalankan penyelidikan," katanya.

Mengenai bentuk kawalan yang akan dibuat oleh Malaysia bagi memastikan industri sains hayat beretika, Dr. Mahathir berkata, satu agensi dan jawatankuasa penguatkuasaan akan ditubuhkan untuk tujuan itu.

Menurutnya, jawatankuasa itu akan menentukan supaya mereka yang menjalankan penyelidikan tidak menggunakan untuk tujuan yang tidak baik atau mendatangkan mudarat kepada manusia.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, masyarakat antarabangsa dan agensi penguatkuasaan perlu menetapkan etika dalam penyelidikan sains hayat sebelum ia berkembang lebih jauh.

"Sarang ini penklonan haiwan sudah pun berlaku dan sesetengah pihak cuba mengklon manusia pula.

"Nampaknya kita sekarang boleh mengeluarkan seberapa banyak Einstein dan Hitler. Saintis yang beretika mungkin tidak mahu melakukan sedemikian tetapi akan ada saintis jahat yang bekerja di bawah rejim jahat, yang mungkin akan memenuhkan bumi dengan raksasa yang tidak dapat dikawal," katanya.

Bagi Perdana Menteri, mengeluarkan organ tertentu untuk dipindahkan ke dalam tubuh manusia adalah sesuatu yang wajar.

Bagaimanapun, katanya, manusia tidak seharusnya berlagak sebagai Tuhan dengan cuba membanjiri bumi dengan makhluk yang mungkin akan mendatangkan bahaya.